

Konsep MADANI peluang betulkan tanggapan Barat terhadap Islam

- Bukan semua golongan sekular antiagama, tapi sebahagiannya salah faham kerana berpandukan pengalaman hitam bangsa Eropah melalui zaman gelap
- Kefahaman terhadap konsep MADANI secara ilmu berdasarkan pandangan alam yang benar dapat selesaikan isu adakah Malaysia negara Islam atau tidak



Oleh Md Asham Ahmad
bhrencana@bh.com.my

Sekali lagi istilah 'madam' diangkat dan diwacanakan pada peringkat tertinggi di negara ini. Dengan hasrat menggembelkan seluruh rakyat ke arah perubahan besar-besaran, slogan Masyarakat MADANI diutarakan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Kajian Syariah, Undang-Undang dan Politik (SYARAK), Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM)

Setiap perubahan mesti bermula daripada akal fikiran. Disebabkan setiap bahan fikiran 'diikat' atau 'ditandakan' dengan bahasa, maka timbul perbincangan mengenai makna atau maksud sesuatu perkataan.

Pada mana-mana wacana ilmiah sekalipun, adalah menjadi tanggungjawab pencadang mentakrifkan maksud istilah digunakan kerana hanya dengan takrifan jelas dan sah, sesuatu istilah dapat diwacanakan.

Kita perlu mengamati satu penjelasan penting dibuat Perdana Menteri apabila beliau mengaitkan istilah 'madani' itu dengan 'Madinah' dan 'tamadun'. Penjelasan ini sudah dinyatakan lama dahulu oleh Tan Sri Profesor Syed Muhammad Naquib al-Attas yang juga guru Anwar.

Maka istilah 'madani' itu digunakan dalam rangka pembinaan tamadun atau peradaban dengan nilai akhlak luhur menjadi terasnya. 'Madani' dikaitkan dengan 'Madinah' kerana nama 'Madinah' melambangkan masyarakat berakhlak luhur menjadi penanda aras kepada maju atau mundur masyarakat yang datang selepas itu.

Sekiranya digali lebih mendalam kita dapati 'Madinah' membawa erti tempat yang agama benar (iaitu Islam) bertapak dan menguasai hati dan sanubari seluruh warganya. Dengan kata lain, perubahan, pembangunan dan kemajuan dihasrat itu tidak dipisahkan daripada pertimbangan akhlak dan budi pekerti yang menjadi

asas setiap tradisi keagamaan, terutama Islam.

Penjelasan ini penting kerana banyak kekeliruan ditimbulkan perihal peranan agama dalam kehidupan masyarakat moden. Adakah agama masih relevan dalam membangunkan dasar negara? Jawapan Perdana Menteri jelas: Ya!

Jawapan ini tidak sepatutnya mendatangkan kebimbangan kepada golongan disifatkan orang ataupun menyifatkan diri sendiri sebagai 'sekular.' Sejak sekian lama faham sekularisme sudah menanamkan rasa kebencian terhadap agama dianggap sebagai punca kemunduran, perpecahan dan permusuhan.

Maka, agama disekat daripada mencampuri urusan negara dan masyarakat, sekali gus dibatalkan peranannya kepada kepercayaan peribadi semata-mata. Justeru, tidak tepat dakwaan bahawa semua golongan sekular antiagama. Bukan semuanya memusuhi dan mahu menghapuskan agama, sebaliknya mereka hanya mahu mengawalinya supaya tidak mendatangkan mudarat kepada masyarakat.

Mungkin ada bertanya, kenapa mereka bersikap sedemikian? Jawapannya terletak pada

"Madinah' membawa erti suatu tempat yang agama benar (iaitu Islam) bertapak dan menguasai hati dan sanubari seluruh warganya"

pengalaman pernah dilalui oleh bangsa Eropah beragama Kristian. Pengalaman itulah yang menimbulkan trauma terhadap agama sehingga hari ini.

Ternyata, daripada pengalaman sejarah, agama mengingatkan mereka kepada zaman kegelapan dan kejahilan, kepercayaan karut dan tahyul, antisains, kekejaman serta penindasan atas nama agama, peperangan berpanjangan akibat ketaasuban.

Bagaimanapun, harus diingat 'agama' yang mereka maksudkan itu adalah agama dalam pengalaman orang Eropah, iaitu Kristian dan pensukularan atau sekularisasi adalah akibat daripada pengalaman itu.

Masalahnya apabila pengalaman itu dikatakan bersifat universal, iaitu ia pasti dialami semua masyarakat sebagai suatu fasa dalam sejarah perkembangan masyarakat. Maka, sekularisasi pada hemat orang Barat adalah nasib sejarah tidak dapat dielakkan. Pandangan inilah diwarisi pendukung tegar ideologi sekular.

Pengenalan semula istilah 'madani' secara tidak langsung memberi peluang untuk membentulkan semula tanggapan terhadap agama yang sangat jauh tersasar daripada kebenaran. Kita harus bermula dengan menafikan kepercayaan bahawa semua bangsa di dunia ini mengalami nasib sejarah sama.

Islam, secara khusus, menafikan kepercayaan bahawa proses sejarah adalah tidak lain daripada proses pensukularan dan nasib yang menimpa kebudayaan Barat itu tidak semestinya akan turut menimpa golongan Muslim.

Tiada pemisahan dunia dan akhirat.

Pada dasarnya Islam tidak menganjurkan pemisahan dan percanggahan antara yang kudus dengan yang nista. Tidak seperti yang difahami Barat. Islam tidak menganggap dunia sebagai tempat keji dan nista, manakala akhirat itu pula suci atau kudus.

Apa yang dianjurkan Islam adalah dunia tempat wajib dilalui dalam perjalanan menuju kehidupan abadi di akhirat. Justeru, tiada pemisahan dunia daripada akhirat, bahkan kebahagiaan akhirat itu bergantung kepada bagaimana seseorang menjalani hidupnya di dunia ini.

Jika persoalan ini benar-benar difahami, maka tidak sepatutnya timbul persoalan adakah Malaysia negara Islam ataupun tidak? Persoalan ini timbul kerana konsep 'agama' dikenakan kepada Islam adalah konsep asing diseludup masuk dan disebarkan sebagai suatu dogma.

Wacana terhasil daripada pengenalan konsep madani ini diharap akan membuka ruang kepada perbincangan secara kritis, ilmiah, matang dan terbuka terhadap konsep utama yang menjadi teras kepada sesuatu pandangan alam. Sehubungan itu, konsep yang berasal dari Barat yang selama ini diterima secara pasif tanpa menilai benar salahnya dan kesesuaiannya dengan kerangka fikiran yang kita mahukan, hendaklah diperiksa dan dikaji oleh mereka yang benar-benar berwibawa.

Perdana Menteri sudah memulakan langkah ke arah itu dan terserah kepada kita untuk menyambutnya.

